



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

19 OGOS 2022 (JUMAAT)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

19 OGOS 2022 (JUMAAT)

'Mula dari kedai papan, sekarang sudah ada 62 cawangan'

Seremban: Selepas dua tahun tidak dapat menyambutnya akibat penularan wabak Covid-19, Majlis Sambutan Ulang Tahun Mydin Ke-65 di sini, semalam disambut meriah bersama Keluarga Mydin.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad Datuk Wira Dr Ameer Ali berkata, sepanjang 65 tahun pernubuhan Mydin, banyak suka-duka dilalui namun keluarga Mydin sentiasa menjadi tunjang kepada kejayaan syarikat itu.

"Bangga untuk saya sebutkan, ketika dahulu bapa seorang menjaga kedai bersama saya serta adik-beradik yang lain, kini Mydin mempunyai tenaga kerja atau lebih selesa lagi panggil 'Keluarga Mydin' seramai lebih 6,000 orang di seluruh negara.

"Sepanjang 65 tahun perjalanan ini pelbagai kisah gembira dan duka menjadi memori buat semua. Tidak kiralah betapa gembiranya kami melihat cawangan ba-

haru dibuka dan betapa sedihnya melihat ada cawangan yang terpaksa ditutup akibat tekanan ekonomi semasa.

"Musibah banjir, kebakaran, kecurian, kerugian sudah menjadi kelaziman dalam perniagaan namun atas keringat dan usaha semua tidak kiralah pangkat, jawan dan di mana mereka berada, Keluarga Mydin yang menjadi tunjang kejayaan kami," katanya.

Hadir meriahkan sambutan di Mydin Mall Seremban 2 di sini, adalah Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Rosol Wahid, Pengarah Eksekutif Mydin Datuk Murad Ali Mydin Mohamed, barisan Ahli Lembaga Penggar Mydin dan rakan strategik.

Turut diadakan adalah Pelancaran Kempen Mydin 65 Tahun Bersama Keluarga Malaysia dan Kempen Beli Barang Malaysia yang di-



ROSOL ditemani Dr Ameer memotong kek sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Mydin Ke-65 di Mydin Seremban 2. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

sempurnakan Rosol.

Ameer berkata, Mydin diasaskan pada Ogos 1957, bermula daripada kedai papan di Kota Bharu, Kelantan dan Mydin kini mempunyai 62 cawangan seluruh negara termasuk cawangan terbesar di Tunjung, Kelantan yang baharu dibuka.

"Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ke-

pada seluruh Keluarga Malaysia atas sokongan yang berterusan kepada kami sepanjang pernubuhan Mydin.

"Walaupun kami menumpukan perniagaan kepada golongan yang berpendapatan rendah atau B40 namun kini semua golongan memiliki untuk mendapatkan barang keperluan mereka di Mydin.

"Tidak kiralah lapisan

umur, status dan bangsa. Dari itulah tercetusnya tema sambutan tahun ini, Mydin 65 tahun Bersama Keluarga Malaysia.

"Penghargaan juga kepada pihak kerajaan termasuk KPDNHEP yang sentiasa terbuka dan membantu pemain industri khususnya peniaga tempatan untuk terus berkembang maju dan mampu walaupun berde-

pan dengan krisis kenaikan harga global sekarang," katanya.

Sementara itu Rosol berkata, sambutan Ulang Tahun Mydin Ke-65 yang bertemakan Bersama Keluarga Malaysia adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan menyantuni rakyat yang terkesan akibat tekanan ekonomi dan inflasi yang berlaku secara global, terutama di saat ekonomi kita sedang mulai pulih daripada cabaran pandemik Covid-19.

"Kami di kementerian amat berbangga dengan usaha Mydin yang dilihat sangat peka dengan keperluan Keluarga Malaysia pada masa ini dengan membantu menerusi tawaran jualan barang pada harga yang amat kompetitif dan berpututan setiap hari.

"Mydin juga aktif membantu masyarakat melalui program tanggungjawab sosial korporat, Mydin Prihatin," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Kempen ringan belanja rakyat

Mydin lancar pelbagai kempen penjimatan berganda sempena sambutan ulang tahun ke-65

MYDIN

Oleh Suliaty Asri
suliaty@hmetro.com.my

Mohamed Holdings Berhad (MYDIN) terus komited meringankan kos perbelanjaan rakyat dengan pelancaran Kempen MYDIN 65 Tahun Bersama Keluarga Malaysia dan Kempen Beli Barang Malaysia.

Kempen dianjurkan sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-65 MYDIN dan seiring bulan kemerdekaan Malaysia yang ke-65 tahun ini. Pengarah Urusannya, Datuk Wira Dr Ameer Ali Mydin berkata, kempen membabitkan semua cawangan MYDIN bertujuan menawarkan pelbagai promosi barang dan penjimatannya bagi membantu meringankan kos sara perbelanjaan masyarakat.

Menurutnya, kempen dilancarkan sebagai menghargai sokongan masyarakat terutama pelanggan setia mereka sepanjang ia beroperasi selama 65 tahun di negara ini.

"Sepanjang kempen ini berlangsung bermula 18 Ogos hingga 30 Oktober ini, pelbagai aktiviti dan promosi ditawarkan MYDIN kepada pelanggan termasuk penganjuran peraduan bersama rakan strategik kempen yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai lebih RM1juta.

"Kempen ini juga mendapat kerjasama 84 jenama terdiri dari rakan strategik dan pembekal MYDIN antaranya Kementerian Perdagangan Dalam dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Kempen Beli Barang Malaysia, MyDebit, AtoMe, PnG, Shopee, Boost dan banyak lagi," katanya.

Selain itu, Kempen Beli Barang Malaysia diadakan dengan kerjasama KPDNHEP dilancar bertujuan menghidupkan kembali perniagaan tempatan khususnya Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Beliau berkata, menerusi kempen itu MYDIN memberi peluang kepada usahawan baharu memperkenalkan produk mereka dan memasuki pasaran mereka.



DR Ameer (tengah) pada sambutan Ulang Tahun Ke-65 MYDIN, semalam.



Dengan menyokong produk tempatan terutama IKS, kita bukan saja membantu masyarakat, tetapi dalam masa sama menyokong industri IKS negara ini"

Dr Ameer Ali Mydin

lalui peraduan Pitch to Win menerusi kempen ini.

Tiga pemenang dipilih melalui peraduan Pitch to Win ini bukan saja bakal memenangi paket pemasaran bernilai lebih RM100,000, tetapi mereka berpeluang memasarkan produk mereka di seluruh cawangan MYDIN.

"MYDIN turut mengadakan seminar keusahawanan oleh pakar industri perniagaan bagi memberi pendekatan kepada usahawan baru dan bakal usahawan untuk menguruskan perniagaan serta memasarkan jenama mereka," katanya.

Sempena kempen ini juga, MYDIN menyediakan ruang khas untuk meletak barang usahawan IKS, sekali gus mengetahukan serta membantu pelanggan melihat kepelbagaiannya produk IKS yang

boleh diperoleh di MYDIN.

Pada masa sama, MYDIN melancarkan laman sesawang [mydin.my](#) dan kad keahlian Meriah yang berwajah baru dengan pelbagai tawaran dan rebat istimewa dengan rakan dagang serta diskaun hebat setiap hari bagi ahli mendafatarnya.

Beliau berkata, istimewanya kad keahlian Meriah itu, pelanggan tidak hanya boleh mengumpulkan mata dari setiap nilai ringgit dibelanjakan, menebus baucar jangan, hadiah hari lahir semasa bulan kelahiran, tetapi pemegang kad boleh membeli pelbagai barang pada harga menarik.

"Sempena sambutan ulang tahun ke-65 ini, sepanjang tiga hari bermula hari ini, 19 Ogos sehingga 21 Ogos ini, pemegang kad keahlian meriah boleh membeli pelbagai barang terpilih dengan harga yang rendah dan istimewa.

"Antaranya gula dan roti Gardenia berharga hanya RM0.65, ubi kentang RM0.65 sekilogram, beras RM19.65, minyak masak RM29.65 dan banyak lagi barang terpilih," katanya.

Tawaran menarik lain yang boleh dimanfaatkan pelanggan menerusi kempen ini termasuklah pulangan tunai sebanyak 10 peratus kepada

INFO

Pemegang kad keahlian Meriah boleh membeli pelbagai barang terpilih pada harga rendah dari 19-21 Ogos.

Antaranya gula dan roti Gardenia RM0.65, ubi kentang RM0.65 sekilogram, beras RM19.65, minyak masak RM29.65

RM300,000.

"Menariknya, jika sebelum ini peraduan MYDIN bersama MyDebit mewarangkan hadiah berupa ketereh, namun kali ini ia cukup berbeza.

"Untuk peraduan kali ini, 65 pemenang hadiah utama akan memenangi Supermarket Sweep bernilai RM1,000 manakala 650 pemenang hadiah bulanan akan memenangi baucar MYDIN bernilai RM300.

"Kita ada hadiah tambahan kepada 20 pemenang yang akan memenangi baucar

MYDIN bernilai RM2,000," katanya.

Untuk menyertai Peraduan MyDebit Je dan Menang, pelanggan perlu

pengguna e-dompet Boost bagi setiap pembelian mana-mana barang jenama terpilih.

Dengan setiap pembelian RM40 melalui Atome pulsa, pelanggan memperoleh potongan RM15 untuk sekali transaksi.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya dengan kerjasama MyDebit turut mengadakan Peraduan MyDebit Je dan Menang yang mewarangkan hadiah keseluruhan



PELANGGAN mendafatrad kad keahlian Meriah boleh menikmati rebat istimewa serta diskaun hebat.

RM300k

Hariah keseluruhan ditawarkan Peraduan MyDebit Je dan Menang

membuat pembelian bernilai RM100 dan ke atas dalam satu resit menggunakan kad ATM MyDebit.

Kemudian, ambil gambar resit pembayaran bank dengan jelas dan penuh seterusnya hantar penyertaan melalui WhatsApp ke +011151740268 atau scan kod QR yang tertera.

Sepanjang 65 tahun, MYDIN menjual banyak barang tempatan terutama produk IKS sebagai langkah membantu meningkatkan ekonomi dan sumbangannya kepada masyarakat.

Ketika ditanya harapan sempena sambutan ulang tahun ke-65, Ameer berharap Kerajaan menerusi Kempen Beli Barang Malaysia turut menyokong usahawan tempatan terutama IKS dengan mengutamakan menggunakan produk mereka apabila memberi bantuan kepada rakyat.

"Dengan menyokong produk tempatan terutama IKS, kita bukan saja membantu masyarakat, tetapi dalam masa sama menyokong industri IKS negara. Kita bantu mereka dalam keadaan sukar ini. Kalau bukan kita siap lagi, kita juga tidaklah," katanya.

"Terima kasih juga kepada rakyat Malaysia yang sentiasa menyokong MYDIN selama ini," katanya.

Lawati laman sesawang MYDIN Malaysia untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan kempen bakal berlangsung sehingga 30 Oktober ini.

Tiga pemenang Pitch To Win bakal memenangi paket pemasaran lebih RM100k

Ubah suai lori dengan tangki minyak 4,000 liter

Oleh AZAHAR HASHIM
utusane@mediamulia.com.my

KULIM: Sebuah lori dengan muatan tangki minyak tambahan 4,000 liter ditahan penguat kuasa Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kulim kerana dipercayai cuba melewng minyak bersubsidi.

Dalam serbuan di Taman Mahsuri, Padang Serai pada pukul 2.45 petang kelmarin itu, pemandu lori jenis 16 tan yang berusia 40 tahun itu sedang leka mengisi minyak diesel dalam sebuah stesen minyak sebelum ditahan untuk pemeriksaan.

Pengarah KPDNHEP Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, hasil pemeriksaan mendapati lori tersebut membawa muatan sebuah tangki tambahan berkapasiti 4,000 liter.

Katanya, minyak yang diisi melalui tangki asal kenderaan akan disedut naik menggunakan pam ke dalam tangki tambahan tersebut.

"Hasil pemeriksaan mendapati pemandu kenderaan gagal mengemukakan permit khas iaitu satu surat kebenaran bertulis yang dikeluarkan oleh Pengawal Bekalan KPDNHEP.

"Siasatan lanjut mendapati minyak tersebut dibeli daripada stesen-stesen minyak sekitar Seberang Perai Utara di Pulau Pinang dan Padang Serai di sini," katanya dalam kenyataan semalam.

PENGUAT kuasa KPDNHEP memeriksa tangki tambahan yang dipasang pada sebuah lori yang digunakan untuk mengisi minyak diesel dalam satu serbuan di Taman Mahsuri, Padang Serai, Kulim.



Menurut Affendi, minyak diesel tersebut dipercayai akan dijual semula dengan harga industri kepada pembeli daripada sektor industri atau diseludup ke negara jiran untuk mendapatkan hasil yang lebih lumayan.

Jelasnya, semasa serbuan tersebut, jumlah minyak yang sempat dipam lelaki terbabit adalah kira-kira 2,719 liter dengan nilai RM5,573.

Jelasnya, kesemua minyak tersebut dirampas termasuk lori terbabit yang membabitkan nilai keseluruhan sitaan diang-

garkan RM30,573.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dalam keadaan yang menimbulkan syak munasabah untuk melakukan kesalahan.

"Kes turut dibaca bersama di bawah Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974 iaitu tiada siapa boleh berniaga dengan cara jual borong atau jual runcit apa-apa barang berjadual atau mengilang kecuali di bawah satu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan 4," jelasnya.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : JUMAAT
TARIKH : 19/08/2022
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

▪ Ayam	RM7.59	▪ Telur Gred A	RM12.90	▪ Gula Pasir	RM2.84	▪ Cili Merah	RM13.99
▪ Daging Lembut Tempatan	RM39	▪ Ikan Kembung	RM12.99	▪ Bawang Besar Holland	RM4.19	▪ Kubis Tempatan	RM4
▪ Daging Lembu Import	RM29.99	▪ Minyak Masak	RM8.85	▪ Bawang Putih	RM4.99	▪ Tepung Gandung	RM3.29

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

19 OGOS 2022 (JUMAAT)

Marc bantu pengkarya tuntut royalti jika karya kena 'ciplak'

KUALA LUMPUR – Pengkarya bahan penulisan dan lukisan yang sering disalah guna dalam kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) boleh menuntut royalti sekiranya karya mereka difotokopi.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, Malaysia Reprographic Rights Centre Berhad (Marc) akan bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan bagi menjaga kepentingan hak harta intelek dalam bidang reprografi terutama buat pengkarya.

Ujarnya, Marc akan menjadi agensi yang akan mengawal dan mengutip bayaran royalti berkaitan bahan penulisan dan lukisan yang difotokopi tanpa kebenaran pengkarya.

"Karya yang disalah guna sering berlaku dalam kalangan pelajar, justeru akan diberikan penekanan terutama kawasan seperti sekolah, IPT, perpustakaan dan kedai fotokopi.

"Pelajar IPT dan sekolah akan fotokopi buku tersebut tanpa bayaran kepada pengkarya, itu hak pengkarya dan mereka menggunakan idea tersebut tanpa kebenaran.



ROSOL (dua dari kiri) menyerahkan sijil pengisytiharan badan pelesenan kepada Pengarah Urusan Marc, Ahmad Hussein Tajuddin (dua dari kanan) di Kuala Lumpur semalam.

"Marc akan memberi kebenaran fotokopi dan mengumpulkan imbuhan untuk penulis, pengeluar dan pelukis komik. Lesen perjanjian akan dikeluarkan apabila kedua-dua pihak setuju dengan syarat ditetapkan," katanya.

Terdahulu, Rosol merasmikan Seminar Kebangsaan Managing Copyright in Malaysia Education dengan kerjasama daripada MyIPO, Marc dan juga World Intellectual Property Organization

(WIPO) berkenaan harta intelek.

Ujarnya, harta intelek sepatutnya didaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

"Ramai tidak daftar lagi, jadi Marc sukar untuk bantu jalankan tugas mengutip royalti dan ia akan ditagih kepada penerbit buku.

"Bila kita ada satu badan, pencipta atau orang yang kreatif ini akan beri satu motivasi dalam menghasilkan novel, buku cerita, dan komik kerana mereka akan mendapat hasil karya itu," katanya.

BERITA ONLINE BERTARIKH 19 OGOS 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Aug	MARC organisasi pengurusan kolektif mewakili karya sastera, seni, imej dan ilustrasi	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/45341-marc-organisasi-pengurusan-kolektif-mewakili-karya-sastera-seni-imej-dan-ilustrasi	BERITARTM
19-Aug	Pengkarya boleh tuntut royalti jika karya difotokopi	https://www.kosmo.com.my/2022/08/18/pengkarya-boleh-tuntut-royalti-jika-karya-difotokopi/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=pengkarya-boleh-tuntut-royalti-jika-karya-difotokopi	KOSMO
19-Aug	KPDNHEP siasat peniaga nasi ayam, nasi itik tular	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/45308-kpdnhep-siasat-peniaga-nasi-ayam-nasi-itik-tular	BERITARTM
19-Aug	Tutup tangki guna kayu palet elak dikesan pihak berkuasa	https://www.kosmo.com.my/2022/08/18/tutup-tangki-guna-kayu-palet-elak-dikesan-pihak-berkuasa/	KOSMO
19-Aug	Cubaan tiga lelaki seleweng diesel gagal	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/872820/cubaan-tiga-lelaki-seleweng-diesel-gagal	HM
19-Aug	STOR PENYIMPANAN DIESEL SELUDUP DI JALAN KAMPUNG ULU SEMERA DISERBU	https://suarasarawak.my/2022/08/stor-penyimpanan-diesel-seludup-di-jalan-kampung-ulu-semera-diserbu/	SUARASARAWAK
19-Aug	TIGA LELAKI KANTOI SELEWENG DIESEL	https://suarasarawak.my/2022/08/tiga-lelaki-kantoi-seleweng-diesel/	SUARASARAWAK
19-Aug	KPDNHEP sasar jualan produk tempatan meningkat RM80 juta	https://youtu.be/3Ab6NVcezq0	HM

19-Aug	KPDNHEP sasar jualan produk tempatan meningkat RM80 juta	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/990079/kpdnhep-sasar-jualan-produk-tempatan-meningkat-rm80-juta	BH
19-Aug	KPDNHEP sasar jualan produk tempatan meningkat RM80 juta	https://beritabersatu.org/2022/08/18/kpdnhep-sasar-jualan-produk-tempatan-meningkat-rm80-juta/	BERITABERSATU
19-Aug	Kempen ringan belanja rakyat	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/873106/kempen-ringan-belanja-rakyat	HM
19-Aug	MYDIN komited ringankan kos perbelanjaan rakyat	https://www.utusanborneo.com.my/2022/08/18/mydin-komited-ringankan-kos-perbelanjaan-rakyat	UTUSANBORNEO
19-Aug	KPDNHEP SASAR PENINGKATAN 2.5 PERATUS HASIL JUALAN KBBM	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2112266	BERNAMA
19-Aug	KPDNHEP Sasar Peningkatan 2.5 Peratus Hasil Jualan KBBM	https://www.buletintv3.my/pilihan-buletin-tv3/kpdnhep-sasar-peningkatan-2-5-peratus-hasil-jualan-kbbm	BULETINTV3
19-Aug	Sambut ulang tahun ke-65, Mydin lancar kempen tawar diskau tak masuk akal mahu ringankan beban rakyat	https://www.mstar.com.my/xpose/famili/2022/08/18/sambut-ulang-tahun-ke-65-mydin-lancar-kempen-tawar-diskau-tak-masuk-akal-mahu-ringankan-beban-rakyat	MSTAR
19-Aug	MYDIN Lancar Kad Meriah Baru, Kolaborasi Dengan Lebih Ramai Rakan Niaga & Sales Kaw-Kaw Serendah 65 Sen!	https://www.google.com/amp/s/ohmedia.my/branded/mydin-lancar-kad-meriah-baru-kolaborasi-dengan-lebih-ramai-rakan-niaga-sales-kaw-kaw-serendah-65-sen/amp/	OHMEDIA
19-Aug	Ministry optimistic 'Buy Malaysian Goods Campaign' sales will grow 2.5% this year	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/08/18/ministry-optimistic-039buy-malaysian-goods-campaign039-sales-will-grow-25-this-year	THESTAR

19-Aug	Mydin Committed To Ease Rising Cost Of Living	https://www.businesstoday.com.my/2022/08/18/mydin-committed-to-ease-rising-cost-of-living/	BUSINESSTODAY
19-Aug	B3M DIDIK PENGGUNA LEBIH BI-JAK BERBELANJA	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/b3m-didik-pengguna-lebih-bijak-berbelanja-376821%3famp=1	ASTROAWANI
19-Aug	B3M DIDIK PENGGUNA LEBIH BI-JAK BERBELANJA	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2112367	BERNAMA
19-Aug	CONSUMER PROGRAMME B3M TO ENSURE CONSUMERS SPEND WISELY	https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2112369	BERNAMA
19-Aug	B3M didik pengguna lebih bijak berbelanja	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/45387-b3m-didik-pengguna-lebih-bijak-berbelanja	BERITARTM
19-Aug	MARC pantau karya cetak, digital	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/872990/marc-pantau-karya-cetak-digital	HM
19-Aug	New centre protects rights of authors, publishers and visual artists	https://www.theedgemarkets.com/article/new-centre-protects-rights-authors-publishers-and-visual-artists	THEEDGE MARKETS
19-Aug	MARC lindung hak penulis, penerbit, artis seni visual, kata timbalan menteri	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/396944	THEMALAY-SIANINSIGHT
19-Aug	KPDNHEP Kedah Tumpas Penyelewengan Diesel Bersubsidi	https://www.buletintv3.my/pilihan-buletin-tv3/kpdnhep-kedah-tumpas-penyelewangan-diesel-bersubsidi	BULETINTV3
19-Aug	Deputy Minister Rosol Wahid adds to 30,000 Merdeka cheers	https://focusmalaysia.my/deputy-minister-rosol-wahid-adds-to-30000-merdeka-cheers/	FOCUSMALAYSIA